KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JMG			

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Penduduk dakwa ketulan ditemui berwarna kuning adalah emas muda

Gempar jumpa batu macam emas

Oleh YATIMIN ABDULLAH

RANTAU PANJANG – Penduduk di sekitar Kampung Bukit Lata di sini kelmarin digemparkan dengan penemuan ketulan batu-batu yang didakwa mengandungi emas.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Mat, 37, berkata, batu-batu itu dijumpai penduduk di kawasan tapak pembinaan projek tebatan banjir yang sedang dijalankan.

"Selepas penemuan batu itu diketahui ramai, saya telah bergegas ke lokasi untuk melihatnya sendiri. Memang betul ketulan batu yang ditemui itu berwarna kuning seakan-akan emas.

"Cuma, saya tidak dapat pastikan sama ada ia betul-betul emas atau sebaliknya. Gerak hati saya mengatakan ia adalah emas, cuma bahan mineral itu masih lagi muda," katanya semalam.

Mat yang merupakan penduduk asal di kampung itu memberitahu, dakwaan tersebut ada asasnya kerana Bukit Lata sememangnya kaya dengan sumber mineral semula jadi.

Menurutnya, antara mineral yang terdapat di kawasan itu adalah bijih besi yang pernah eksport ke Jepun sebelum ini.

Bagaimanapun, bijih besi itu terpaksa dihantar pulang semula kerana ia masih muda.

"Selepas video penduduk kampung mendakwa batu itu mengandungi emas tular di Facebook, kawasan tersebut telah ditutup sepenuhnya oleh pihak pengurusan tapak projek," ujarnya.

Sementara itu, usaha *Kosmo!* untuk mendapatkan respons daripada pihak berkuasa tempatan mengenai dakwaan penemuan emas di kawasan itu masih gagal.

Terdahulu, sebuah video berdurasi 23 saat tular di media sosial yang memaparkan ramai penduduk setempat berkunjung ke kawasan pembinaan tebatan banjir di Kampung Bukit Lata di sini untuk mencari emas.

Bagaimanapun, dakwaan mengenai penemuan emas di kawasan itu masih belum dapat dibuktikan dan penduduk pergi ke kawasan itu hanya untuk mencuba nasib mencari bahan mineral berkenaan.



ANTARA ketulan batu yang didakwa mengandungi emas.



SEBAHAGIAN penduduk mencari ketulan batu yang dipercayai emas di Kampung Bukit Lata, Rantau Panjang kelmarin.

KOSMO 15.11.2021_16